

MATI SUATU PERINGATAN
11 Muharam 1443H/ 20 Ogos 2021M

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا
هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahuwa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahuwa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahuwa-Ta'ala

Sesungguhnya setiap yang bernyawa pasti akan mati. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Ali-Imran ayat 185:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ

Yang bermaksud: "Setiap yang bernyawa akan merasai kematian."

Saban hari kita dipaparkan dada-dada akhbar dengan berita-berita kematian. Ada yang mati disebabkan sesuatu penyakit, ada yang mati tanpa sebarang punca dan ada pula yang mati secara tiba-tiba. Ada yang mati ketika umurnya sudah tua dan ada juga yang mati pada usia yang masih muda. Hakikatnya mati itu pasti, tidak ada sesiapa yang dapat melarikan diri daripadanya. Kematian mengingatkan kita supaya bersegera untuk melakukan amal soleh sebagai bekalan untuk kehidupan yang kekal di akhirat nanti. Sabda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim :

يَتَّبِعُ الْمَيِّتَ ثَلَاثَةٌ فَيَرْجِعُ اِثْنَانِ وَيَبْقَى مَعَهُ وَاحِدٌ يَتَّبِعُهُ أَهْلُهُ وَمَالُهُ
وَعَمَلُهُ فَيَرْجِعُ أَهْلُهُ وَمَالُهُ وَيَبْقَى عَمَلُهُ

Yang bermaksud: “Yang mengikuti mayat (ke kuburnya) ada tiga. Maka dua daripadanya akan kembali dan yang akan tinggal bersamanya hanyalah satu. Yang mengikutinya adalah keluarganya, hartanya dan amalnya lalu kembalilah keluarga dan hartanya dan yang akan tinggal hanyalah amalnya.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahuwa-Ta’ala

Dalam suasana pandemik covid 19 yang masih lagi belum reda sekarang ini, marilah kita bersama-sama mempertingkatkan amal ibadah dengan membaca al-Quran, berzikir serta mengimarahkan semula masjid dengan solat berjemaah, menambah ilmu pengetahuan dengan menghadiri majlis-majlis ilmu, memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan dan sebagainya. Janganlah kita lalai daripada membuat persediaan untuk menghadapi kematian kerana mati akan datang menjemput kita pada bila-bila masa sahaja. Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam Surah al-Jumu’ah ayat 8:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنَّ الْمَوْتَ الَّذِي تَفِرُونَ مِنْهُ فَإِنَّهُ مُلَاقِيكُمْ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ

عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Yang bermaksud : *"Katakanlah wahai Muhammad, "Sesungguhnya kematian yang kamu lari daripadanya, maka sesungguhnya kematian itu akan tetap menemui kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah Tuhan yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia Allah memberitahu kepada kamu akan apa yang telah kamu kerjakan (ketika hidup kamu di dunia dahulu)"*.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.